


# **Kertas Bil. 46/2014**



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN  
NEGERI SELANGOR - SUSULAN DARIPADA LAWATAN  
KE MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKj)**

---



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT)  
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR SUSULAN DARIPADA LAWATAN KE MAJLIS  
PERBANDARAN KAJANG (MPKj)**

**MUKADIMAH**

1. Penyata ini disediakan oleh Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT), Dewan Negeri Selangor bagi membentangkan laporan hasil daripada Lawatan Ahli JP-PBT ke Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), taklimat susulan daripada pihak pengurusan MPKj di Pejabat Dewan Negeri Selangor oleh pengurusan MPKj yang terdiri daripada YBhg. Dato' YDP sendiri dan beberapa orang pegawai yang lain serta maklumbalas yang diterima daripada Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian Dan Peyelidikan pada masa itu, Y.B. Dato' Teng Chang Khim menerusi satu pendengaran tertutup.
2. JP-PBT pada 25 Oktober 2013 telah mengadakan satu lawatan ke MPKj di mana lawatan ini merupakan salah satu daripada rangka kerja JP-PBT bagi melihat sendiri perkembangan dan perjalanan pentadbiran PBT di setiap PBT di Selangor. JP-PBT juga ingin mengetahui pencapaian dan juga permasalahan yang dihadapi oleh PBT tersebut baik daripada pihak pengurusan mahupun daripada pihak Ahli-Ahli Majlis.
3. Ahli-Ahli JP-PBT yang hadir pada lawatan tersebut adalah seperti berikut:

3.1. Y.B. Tuan Ng Tien Chee (ADN Kawasan Balakong)	Pemangku Pengerusi
3.2. Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (ADN Kawasan Ijok)	Ahli
3.3. Y.B. Tuan Rajiv a/l Risyakaran (ADN Kawasan Bukit Gasing)	Ahli
4. Ahli-Ahli JP-PBT telah mendengar taklimat-taklimat daripada pihak yang berasingan. Kedua-dua pihak telah mengutarakan pelbagai permasalahan dan isu-isu yang mereka hadapi dan juga telah memberikan cadangan serta pandangan mereka berkenaan isu-isu serta permasalahan-permasalahan tersebut.
5. Susulan kepada lawatan tersebut, JP-PBT telah mendapat bahawa terdapat beberapa perkara yang masih perlu dijelaskan oleh pihak pengurusan MPKj seperti isu berkenaan ‘virement’ atau pemindahan peruntukan dan pengurusan pasar

malam. Oleh yang demikian, pada 13 Februari 2014, JP-PBT telah menjemput pihak pengurusan MPKj yang terdiri daripada YBhg. Dato' YDP sendiri dan beberapa orang pegawai yang lain untuk hadir dalam mesyuarat JP-PBT dan memberikan penerangan.

6. Ahli-Ahli JP-PBT yang hadir pada sesi pendengaran tertutup tersebut adalah seperti berikut:

6.1.	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (ADN Kawasan Seri Setia)	Pengerusi
6.2.	Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (ADN Kawasan Ijok)	Ahli
6.3.	Y.B. Tuan Rajiv a/l Risyakaran (ADN Kawasan Bukit Gasing)	Ahli
6.4.	Y.B. Tuan Mohd. Khairuddin bin Othman (ADN Kawasan Paya Jaras)	Ahli
6.5.	Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan (ADN Kawasan Kota Damansara)	Ahli

7. Setelah mengenal pasti permasalahan serta isu-isu yang dihadapi oleh pihak MPKj, JP-PBT telah memanggil Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian Dan Peyelidikan pada masa itu, Y.B. Dato' Teng Chang Khim untuk mendapatkan maklumbalas daripada pihak kerajaan berkenaan isu-isu yang dibangkitkan supaya satu saranan yang lebih holistik dan adil dapat dirumuskan oleh JP-PBT. Pendengaran tertutup tersebut telah dijalankan pada 4 Julai 2014.
8. Ahli-Ahli JP-PBT yang hadir pada sesi pendengaran tertutup tersebut adalah seperti berikut:

8.1.	Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (ADN Kawasan Seri Setia)	Pengerusi
8.2.	Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (ADN Kawasan Ijok)	Ahli
8.3.	Y.B. Tuan Rajiv a/l Risyakaran	Ahli

(ADN Kawasan Bukit Gasing)

- |      |   |      |
|------|---|------|
| 8.4. | Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz<br>(ADN Kawasan Lembah Jaya)            | Ahli |
| 8.5. | Y.B. Tuan Hj.Hasnul bin Hj.Baharuddin<br>(ADN Kawasan Morib)            | Ahli |
| 8.6. | Y.B. Tuan Ng Tien Chee<br>(ADN Kawasan Balakong)                        | Ahli |
| 8.7. | Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan<br>(ADN Kawasan Kota Damansara) | Ahli |
9. Hasil daripada lawatan tersebut, JP-PBT telah memutuskan bahawa terdapat satu isu yang perlu mendapat perhatian segera daripada pihak Kerajaan Negeri iaitu:
- 9.1. Masalah berkaitan kutipan dan pelupusan sampah.
  - 9.2. Isu berkenaan ‘virement’ atau pemindahan peruntukan yang dilakukan oleh pihak MPKj; dan
  - 9.3. Masalah berkenaan pengurusan pasar malam di kawasan MPKj.
- PENUKARAN AHLI JAWATANKUASA**
10. Laporan JP-PBT ini adalah dibuat dan disahkan oleh Ahli Jawatankuasa sepertimana pada 21 Oktober 2014 setelah tiga orang Ahli Jawatankuasa meletakkan jawatan:
- 10.1. Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad yang meletakkan jawatan pada 26hb September 2014 setelah dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (MMKN) pada 26 September 2014.
  - 10.2. Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib yang meletakkan jawatan pada 31 Januari 2014 setelah dilantik sebagai pembantu ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada
  - 10.3. Y.B. Tuan Mohd. Khairuddin bin Othman yang meletakkan jawatan pada 28 Mei 2014 setelah dilantik sebagai pembantu ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada

11. Ahli JP-PBT sebagaimana 21 Oktober 2014:

- |   |                    |
|---|--------------------|
| 11.1. Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad<br>(ADN Kawasan Ijok)   | Pemangku Pengerusi |
| 11.2. Y.B. Tuan Rajiv a/l Risyakaran<br>(ADN Kawasan Bukit Gasing)  | Ahli               |
| 11.3. Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz<br>(ADN Kawasan Lembah Jaya)  | Ahli               |
| 11.4. Y.B. Tuan Hj.Hasnul bin Hj.Baharuddin<br>(ADN Kawasan Morib)  | Ahli               |
| 11.5. Y.B. Tuan Ng Tien Chee<br>(ADN Kawasan Balakong)  | Ahli               |
| 11.6. Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan<br>(ADN Kawasan Kota Damansara)                                   | Ahli               |
| 12. Pada masa Lawatan bertarikh 25 Oktober 2013 berlangsung, komposisi Ahli-Ahli JP-PBT adalah seperti berikut: |                    |
| 12.1. Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad<br>(ADN Kawasan Seri Setia)   | Pengerusi          |
| 12.2. Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad<br>(ADN Kawasan Ijok)   | Ahli               |
| 12.3. Y.B. Tuan Rajiv a/l Risyakaran<br>(ADN Kawasan Bukit Gasing)  | Ahli               |
| 12.4. Y.B. Tuan Mohd. Khairuddin bin Othman<br>(ADN Kawasan Paya Jaras)   | Ahli               |
| 12.5. Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib<br>(ADN Kawasan Taman Templer)  | Ahli               |
| 12.6. Y.B. Tuan Ng Tien Chee  | Ahli               |

(ADN Kawasan Balakong)

- 12.7. Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan Ahli  
(ADN Kawasan Kota Damansara)
13. Pada masa pendengaran tertutup bertarikh 13 Februari 2014 berlangsung, komposisi Ahli-Ahli JP-PBT adalah seperti berikut:
- 13.1. Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad Pengerusi  
(ADN Kawasan Seri Setia)
- 13.2. Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad Ahli  
(ADN Kawasan Ijok)
- 13.3. Y.B. Tuan Rajiv a/l Risyakaran Ahli  
(ADN Kawasan Bukit Gasing)
- 13.4. Y.B. Tuan Mohd. Khairuddin bin Othman Ahli  
(ADN Kawasan Paya Jaras)
- 13.5. Y.B. Tuan Ng Tien Chee Ahli  
(ADN Kawasan Balakong)
- 13.6. Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan Ahli  
(ADN Kawasan Kota Damansara)
14. Pada masa pendengaran tertutup bertarikh 4 Julai 2014 berlangsung, komposisi Ahli-Ahli JP-PBT adalah seperti berikut:
- 14.1. Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad Pengerusi  
(ADN Kawasan Seri Setia)
- 14.2. Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad Ahli  
(ADN Kawasan Ijok)
- 14.3. Y.B. Tuan Rajiv a/l Risyakaran Ahli  
(ADN Kawasan Bukit Gasing)
- 14.4. Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz Ahli  
(ADN Kawasan Lembah Jaya)

- |   |      |
|---|------|
| 14.5. Y.B. Tuan Hj.Hasnul bin Hj.Baharuddin<br>(ADN Kawasan Morib)            | Ahli |
| 14.6. Y.B. Tuan Ng Tien Chee<br>(ADN Kawasan Balakong)                        | Ahli |
| 14.7. Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan<br>(ADN Kawasan Kota Damansara) | Ahli |

## **A. MASALAH KUTIPAN DAN PELUPUSAN SAMPAH**

### **Fakta Dan Penemuan**

15. JP-PBT dimaklumkan bahawa sebanyak 500 tan sampah sehari perlu diuruskan oleh MPKj. Antara permasalahan yang timbul daripada hal ini adalah seperti berikut:
  - 15.1. Proses pelupusan atau pembuangan sampah bukan domestik tidak diketahui oleh penduduk. Bagi sampah bukan domestik, para penduduk perlu berurusan terus dengan pihak kontraktor dan sampah-sampah tersebut akan dikutip dan dihantar ke tempat pelupusan yang sewajarnya. Namun demikian, kebanyakan penduduk; sama ada tidak tahu akan proses ini atau kos tinggi yang dikenakan oleh pihak kontraktor, memilih untuk melupuskan atau membuang sampah-sampah tersebut di bahu-bahu jalan atau di kawasan-kawasan yang bukan sepatutnya dijadikan kawasan pembuangan sampah.
  - 15.2. Hal ini menyebabkan MPKj terpaksa menguruskan pelupusan sampah haram tersebut. Sampah haram yang sepatutnya dihantar ke Dengkil (sampah pukal, tanaman, sisa pembinaan dan sisa industri) dilupuskan di kawasan-kawasan yang tidak sesuai seperti kawasan rezab sungai dan sebagainya kerana kosnya terlalu mahal bagi kontraktor kutipan sampah dan pihak MPKj tidak mempunyai peruntukan yang cukup bagi pengurusan sampah haram tersebut.
  - 15.3. Bagi mengatasi masalah ini, pihak MPKj memberitahu JP-PBT bahawa satu tapak pelupusan sampah alternatif yang lebih dekat telah dicadangkan bagi mengurangkan kos. Namun demikian tapak tersebut tidak diluluskan oleh pihak berwajib seperti Jabatan Alam Sekitar atas alasan ianya terletak berhampiran dengan kawasan rizab sungai. JP-PBT juga difahamkan oleh pihak MPKj bahawa ketiadaan pusat pembakaran sampah ‘incinerator’ juga

menyebabkan satu kawasan tanah luas bagi tujuan pelupusan sampah '*landfill*' diperlukan di mana ianya memakan ruang dan tidak selaras dengan konsep mesra alam sekitar.

### **Saranan Jawatankuasa**

16. Masalah pengutipan dan pelupusan sampah perlu ditangani segera kerana ianya melibatkan imej dan manifestasi kecekapan Kerajaan Negeri di dalam menguruskan hal-hal yang melibatkan rakyat Selangor secara langsung. Oleh yang demikian, JP-PBT menyarankan supaya Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah tersebut:
  - 16.1. Kerajaan Negeri diminta untuk mencari sebidang tanah yang sesuai berhampiran dengan kawasan MPKj atau yang berada di dalam kawasan MPKj bagi tujuan pelupusan sampah-sampah domestik/bukan domestik sebagai '*stop gap measure*'. Namun demikian, JP-PBT juga menyeru Kerajaan Negeri supaya memetakan sebuah perancangan jangka masa panjang yang lebih efektif berkenaan sistem pengurusan sampah di negeri Selangor.
  - 16.2. Kerajaan Negeri melalui EXCO yang terlibat dan PBT itu sendiri perlu berganding bahu untuk segera bertindak apabila masalah seperti ini berlaku. Kerajaan Negeri terutamanya tidak boleh mengelak daripada isu ini dan membiarkannya diuruskan oleh PBT sendiri. Sistem pengurusan sampah yang efisyen dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat di negeri Selangor kerana longgokan sampah-sampah yang tidak dikutip dan dilupuskan menggalakkan pembiasaan nyamuk *aedes* dan menyebabkan penularan penyakit demam denggi. Selain itu, pengurusan sampah yang efisyen menjadi satu manifestasi kepada sebuah kerajaan yang cekap dan mengambil peduli tentang keperluan rakyat dan alam sekitar.
  - 16.3. PBT perlu bertanggungjawab untuk mengutip dan menguruskan sampah pukal, sampah kebun, sisa industri atau mana-mana sampah bukan domestik dan bukannya membiarkan masalah ini diuruskan sendiri oleh para penduduk dengan kontraktor yang terlibat kerana kos melibatkan pengutipan dan pembuangan sampah pukal adalah agak tinggi. Hal ini blasanya akan menyebabkan sampah dibuang di bahu-bahu jalan atau kawasan yang tidak sepatutnya kerana para penduduk enggan untuk membayar kos yang tinggi bagi perkhidmatan tersebut.

- 16.4. PBT juga perlu membuat kempen mendidik para penduduk tentang cara pembuangan sampah pukal yang betul secara agresif. Langkah-langkah yang boleh diambil oleh PBT untuk memastikan kempen ini berjaya adalah dengan cara mengiklankan kempen ini di belakang bil-bil yang dikeluarkan oleh pihak PBT dan juga memasang papan-papan iklan di lokasi-lokasi strategik.

**B. ISU BERKENAAN ‘VIREMENT’ ATAU PEMINDAHAN PERUNTUKAN YANG DILAKUKAN OLEH PIHAK MPKJ**

**Fakta Dan Penemuan**

17. Ketika perjumpaan bersama Ahli-Ahli Majlis pada sesi lawatan JP-PBT ke MPKJ yang lepas, JP-PBT telah menerima aduan daripada Ahli-Ahli Majlis bahawa pihak pengurusan MPKJ telah membuat pemindahan peruntukan atau ‘virement’ tanpa membentangkannya di hadapan mesyuarat penuh Ahli Majlis untuk mendapatkan kelulusan. Mereka mendakwa pihak pengurusan telah melakukan kesalahan dengan melakukan ‘virement’ tersebut.
18. Pihak pengurusan telah menerangkan dengan terperinci kepada JP-PBT mengenai prosedur yang terlibat untuk proses ‘virement’ ini. JP-PBT telah difahamkan bahawa ‘virement’ boleh dilakukan tanpa perlu dibentangkan terlebih dahulu di hadapan mesyuarat penuh Ahli Majlis atas sebab-sebab yang berikut:
- 18.1. Seksyen 58 Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) membolehkan PBT memindahkan peruntukan dan tidak memerlukan pihak PBT untuk membentangkannya di hadapan mesyuarat penuh Ahli Majlis dengan syarat pemindahan yang dilakukan mestilah di bawah penama yang sama; dan
- 18.2. Satu Pekeliling Perbendaharaan (Bil. 11/2008) telah dikeluarkan di mana ianya memberi kuasa pada pihak PBT untuk membuat proses pemindahan peruntukan.
19. Bekas Penggerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian Dan Peyelidikan, Y.B. Dato’ Teng Chang Khim pula menyatakan bahawa apa-apa proses ‘virement’ yang hendak dilakukan mestilah dibentangkan dihadapan Jawatankuasa melainkan ianya melibatkan isu-isu kecemasan yang memerlukan pemindahan wang dengan segera.

## **Saranan Jawatankuasa**

20. Walaupun Seksyen 58 Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) tidak memperuntukkan pihak PBT untuk membentangkan pemindahan peruntukan di hadapan mesyuarat penuh Ahli Majlis, JP-PBT merasakan bahawa ‘*virement*’ perlu dibentangkan sekiranya jumlah yang hendak dipindahkan besar. JP-PBT menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat mengeluarkan satu garis panduan di mana sekiranya proses ‘*virement*’ tersebut melibatkan jumlah yang dirasakan besar, ianya perlulah dibentangkan di hadapan mesyuarat penuh Ahli Majlis selaras dengan konsep kerajaan yang telus, amanah dan bertanggungjawab.
21. Selain itu, dokumen berkenaan bajet atau penyata kewangan merupakan satu dokumen polisi penting. Sebarang perubahan yang ingin dilakukan mungkin akan menjelaskan kepentingan orang awam dan atas alasan-alasan tersebut, JP-PBT merasakan pembentangan di hadapan mesyuarat penuh Ahli Majlis adalah perlu di dalam menuju ke arah amalan terbaik ‘*best practice*’ oleh MPKj khususnya dan PBT-PBT lain di Selangor amnya.
22. JP-PBT juga ingin mengambil maklum bahawa PBT yang lain seperti Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) pernah mengamalkan prosedur membentangkan rancangan ‘*virement*’ mereka di hadapan mesyuarat penuh Ahli Majlis sebelum ianya dapat dilaksanakan.

## **C. MASALAH BERKENAAN PENGURUSAN PASAR MALAM DI KAWASAN MPKj**

### **Fakta dan Penemuan**

23. JP-PBT difahamkan bahawa pada asalnya, MPKj tidak terlibat di dalam pengurusan pasar malam seperti pengisian penjaja, susunan petak, pengurusan sampah dan juga kawalan lalu lintas. Sebaliknya, penganjuran pasar malam dilakukan oleh penganjur-penganjur yang terdiri daripada persatuan-persatuan penduduk atau syarikat-syarikat swasta yang diluluskan oleh pihak MPKj.
24. Pihak pengurusan MPKj kemudian menerangkan kepada JP-PBT bahawa mereka telah mula mengambil alih penganjuran pasar malam daripada penganjur-penganjur luar seperti Persatuan Penduduk dan sebagainya secara berperingkat sejak Januari 2014 lalu. Hal ini adalah disebabkan perkara-perkara yang berikut:

- 24.1. Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 19/2012 bertarikh 23 Mei 2013 yang telah disahkan oleh MMKN ke 20/2012 pada 30 Mei 2012 mengarahkan supaya PBT mengambil alih sepenuhnya hal-hal berkaitan pengurusan pasar malam/siang seperti susunan petak, pengisian penjaja, pengurusan lalu lintas dan pengurusan sampah; dan
- 24.2. Aduan yang diterima oleh para peniaga yang mendakwa kos sewaan tapak dan caj-caj lain yang dikenakan oleh penganjur adalah agak tinggi.
25. Namun demikian, penganjur-penganjur ini kekal sebagai penyelaras di mana mereka bertanggungjawab memantau perjalanan operasi pasar malam serta kawalan lalu lintas.
26. Walaupun begitu, JP-PBT mendapati bahawa MPKj tidak mempunyai sumber tenaga yang mencukupi bagi menguruskan kesemua pasar malam-pasar malam yang berada di dalam kawasan MPKj walaupun sebahagian daripada tugas tersebut diambil alih oleh pihak penyelaras dan hal ini diakui sendiri oleh pihak MPKj.
27. Pihak kerajaan melalui Y.B. Dato' Teng pula memaklumkan bahawa beliau tidak menerima sebarang aduan daripada pihak MPKj untuk melaksanaan arahan supaya pihak Majlis mengambilalih pengurusan kesemua pasar malam di kawasan mereka. Beliau menjelaskan keputusan Kerajaan Negeri supaya pihak PBT mengambilalih pengurusan pasar malam adalah kerana terdapat penyelewengan yang dilakukan oleh pihak JKKK atau swasta semasa mereka menguruskannya. Pihak Kerajaan Negeri juga menyatakan akan memperbaiki sistem kawalan oleh Unit Penguatkuasaan PBT.

#### **Saranan Jawatankuasa**

28. JP-PBT menyeru supaya Kerajaan Negeri melalui MMKN berkenaan dan juga PBT yang terlibat iaitu MPKj dapat menilai semula masalah pengurusan pasar malam. JP-PBT berpendapat bahawa pengurusan pasar malam perlu diberi semula kepada penganjur-penganjur atas sebab-sebab berikut:
  - 28.1. Para penganjur mempunyai insentif dari segi kewangan untuk menarik para peniaga untuk berniaga di pasar-pasar malam; dan
  - 28.2. Pengurusan pasar malam terutamanya berkenaan susunan petak, pemilihan peniaga dan kawalan lalu lintas agak membebankan pihak PBT.

29. Namun demikian, satu garis panduan yang komprehensif meliputi aspek-aspek susunan petak, pengisian penjaja, pengurusan lalu lintas dan pengurusan sampah perlu dikeluarkan. Pihak Kerajaan Negeri dan juga PBT perlu juga menubuhkan satu badan yang boleh mengambil tindakan sekiranya terdapat aduan mengenai salah laku yang dilakukan oleh para pengajur seperti mengenakan caj-caj yang tidak munasabah atau mengamalkan kronisme serta penyelewengan di dalam menentukan pengisian peniaga atau susunan petak.

## PENUTUP

30. JP-PBT akan meneruskan siasatan selanjutnya terhadap beberapa perkara yang telah dibangkitkan dalam pernyata ini terutamanya berkaitan pengurusan dan pelupusan sampah dan lain-lain isu yang dirasakan perlu demi mempertingkatkan kualiti pengurusan dan penyampaian PBT-PBT di negeri Selangor. JP-PBT juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai kerajaan, individu-individu serta badan-badan korporat yang telah tampil memberi keterangan dan juga pegawai-pegawai Dewan Negeri Selangor yang telah menjalankan tugas mereka dengan sempurna.
31. Semoga segala saranan JP-PBT yang terkandung dalam pernyata ini boleh diberi pertimbangan sewajarnya oleh MMKN.
32. Ahli Jawatankuasa PBT yang telah bermesyuarat pada **21 Oktober 2014** telah meluluskan pernyata ini. Sekian, terima kasih.

Bertarikh pada **7 November 2014** di Shah Alam.



**Y.B.TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD**  
Pemangku Pengurus  
Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkua Tempatan (JP-PBT)

## **AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT):

- |  |                    |
|--|--------------------|
| 1. Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad<br>(ADN Kawasan Ijok)                     | Pemangku Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Rajiv a/l Risyakaran<br>(ADN Kawasan Bukit Gasing)            | Ahli               |
| 3. Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz<br>(ADN Kawasan Lembah Jaya)            | Ahli               |
| 4. Y.B. Tuan Hj.Hasnul bin Hj.Baharuddin<br>(ADN Kawasan Morib)            | Ahli               |
| 5. Y.B. Tuan Ng Tien Chee<br>(ADN Kawasan Balakong)                        | Ahli               |
| 6. Y.B. Puan Halimaton Saadiah binti Bohan<br>(ADN Kawasan Kota Damansara) | Ahli               |

## **URUS SETIA**

- 1. Puan Elya Marini binti Darmin**  
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- 2. Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali**  
Ketua Penolong Setiausaha
- 3. Encik Jurasmadi Bin Pauzi**  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- 4. Puan Siti Salina bint Muftar**  
Setiausaha Pejabat
- 5. Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid**  
Setiausaha Pejabat
- 6. Encik Muhammad Khairil bin Khalid**  
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

